

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(77)

Tarikh : 21 Julai 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 10 TAHUN 2000**

URUSAN KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat ini dapati di dalam urusan kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan serta kenderaan dan lain-lain alat/barangan Jabatan, terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang boleh ditambahbaikkan urusan kerja yang berkaitan.

3. Mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini, Jabatan-jabatan adalah dikehendaki mematuhi butir-butir panduan seperti yang diperturunkan di bawah ini :-

- (a) Jabatan hendaklah meminta syarikat mengemukakan tuntutan secara terperinci dengan menyenaraikan satu persatu jenis-jenis kerja pembaikan/penyelenggaraan serta alat-alat yang ditukarkan bagi pembaikan dan penyelenggaraan dengan kos yang terlibat. Tuntutan bayaran bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dibuat secara 'lump sum' akan ditolak daripada diuruskan bayaran oleh Jabatan Akauntan Negara.
- (b) Jabatan dikehendaki mendapatkan 'second opinion' untuk menyemak serta membandingkan kos anggaran pembaikan dan penyelenggaraan yang diperolehi.
- (c) Jabatan hendaklah sentiasa memantau semua kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan untuk memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan, pembaikan yang dilakukan serta alat-alat barangan yang diganti adalah baru dan betul.

(d) Jabatan hendaklah mematuhi semua Tatacara Perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi urusan kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

4. Adalah diharapkan Jabatan-jabatan akan mematuhi garis panduan yang disenaraikan di perenggan 3 di atas. Sokongan dan perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR HJ ABDUL AZIZ BIN MOHD ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan

Sabah

s.k. Semua Jabatan Akauntan Negara,
Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Keningau Dan W.P. Labuan
(Semua urusan bayaran bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dikemukakan secara 'lump sum' hendaklah ditolak daripada diuruskan bayaran. Terima kasih)

pek.perb.10tahun2000